

PM Jepun lawat Malaysia

esok

9 JAN 2002

PUTRAJAYA 8 Jan. — Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi akan mengadakan lawatan rasmi sehari pada Khamis ini sempena siri lawatannya ke negara-negara Asia Tenggara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Koizumi akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi membincangkan pelbagai isu dua hala.

"Jepun amat aktif terutamanya dalam menghulurkan bantuan kewangan semasa krisis ekonomi yang lalu manakala pelabur Jepun juga bergiat cergas di rantau ini," katanya selepas menghadiri majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 2000 Kementerian Luar di Wisma Putra di sini, hari ini.